

06/09/2001

Jihad lawan nafsu paling diutamakan

Mohd Yusof Sulaiman

PENGERTIAN jihad dari sudut bahasa ialah keupayaan dan tenaga. Sementara dari sudut istilah syarak bermaksud menghabiskan atau meluahkan keupayaan dan tenaga dalam memerangi orang kafir serta menentang musuh sama ada dengan jiwa, diri, harta atau lisan.

Ada lebih 41 ayat al-Quran menceritakan mengenai jihad. Antaranya, firman Allah yang bermaksud : "Mereka yang berjihad di jalan-Ku, nescaya Aku akan tunjukkan mereka jalan-jalan ku." (Surah al-Ankabut, ayat 69).

Jihad dipandang mulia dan terletak di maqam (tempat) yang tinggi dalam Islam kerana memelihara negara dan umat Islam.

Ulama berbeza pandangan mengenai makna jihad. Said Ramadhan Al Butti dalam kitabnya Fiqh As Sunnah menyatakan, pengertian jihad tidak khusus kepada defensif atau ofensif, iaitu menyerang serta mempertahankan diri daripada serangan semata-mata, malah bermaksud, mendirikan masyarakat Islam dan peraturan yang ditetapkan Allah.

As Syeikh Said Hawa pula menjelaskan makna jihad berdasarkan pembahagiannya, iaitu jihad dengan lisan, jihad dalam pengajaran (pendidikan), jihad dengan tangan dan diri, jihad politik serta jihad harta.

Setiap pengertian jihad dijelaskan dengan panjang dan jelas. Umpamanya, beliau mentakrifkan jihad dengan lisan, iaitu menyampaikan Islam dengan hujah kepada orang kafir, munafik dan fasik.

Beliau berdasarkan sabda Rasulullah saw yang bermaksud: "Sampaikanlah daripada aku walau satu ayat. Dan khabarkanlah mengenai Bani Israil. Sesiapa yang mendustakan ke atas ku, maka tempatnya adalah dalam neraka."

Said Hawa turut menjelaskan antara cara jihad dengan lisan ialah menyampaikan buku, risalah agama, dakwah dari rumah ke rumah, ceramah serta majlis ilmu.

Jihad hendaklah dilaksanakan mengikut keutamaan dan kesesuaian masa serta tempat.

Jihad wajib dilaksanakan setiap umat Islam. Dalam sebuah hadis, Rasulullah saw menempelak sesiapa yang tidak berjihad. Baginda brsabda yang bermaksud: "Sesiapa yang mati sebelum berjihad dan belum pernah berjanji dalam dirinya untuk berjihad, maka dia akan mati dalam salah satu cabang kemunafikan." (Hadis ke 1910 dalam kitab al-Imarah yang diriwayatkan oleh Imam Malik).

Dalam kemelut sosial yang melanda negara akhir-akhir ini, kita perlu berjihad bagi membendung gejala itu daripada terus membelenggu masyarakat.

Kes seperti Black Metal, sumbang mahram, pembuangan bayi dan zina, jika tidak dibendung, nescaya akan menjejaskan pembangunan negara.

Masalah sosial yang melanda masyarakat kini bukan lagi boleh dipandang mudah. Umpamanya, kes yang membabitkan pelajar, amat sedih sekiranya statistik yang dikeluarkan mendapati peratusan pelajar dalam kegiatan jenayah cukup tinggi.

Berdasarkan statistik polis, 1,528 kes jenayah dan 2,971 tangkapan dibuat membabitkan pelajar berumur antara tujuh hingga 18 tahun di seluruh negara sepanjang dua tahun lalu. Daripada jumlah yang ditangkap, 202 adalah pelajar berusia tujuh hingga 12 tahun, 13 hingga 15 tahun (1,303 pelajar) dan 16 hingga 18 tahun (1,466 pelajar).

Gejala sosial ini sudah tentu berpunca daripada nafsu yang tidak terkawal yang dikenali sebagai nafsul ammarah, salah satu jenis nafsu yang sentiasa mendorong manusia melakukan kejahatan serta kemungkaran.

Sifat nafsu itu sudah dijelaskan dalam al-Quran. Firman Allah Taala yang bermaksud: "Dan aku tidak membebaskan diriku (dari kesalahan) kerana sesungguhnya nafsu itu slalu menyuruh kepada kejahatan, kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." (Surah Yusuf, ayat 53).

Justeru, wajarlah jihad melawan nafsu diutamakan berbanding jihad bersenjata. Ia bersesuaian dengan keadaan dan peristiwa yang berlaku ketika ini.

Prof Dr Yusoff al-Qardhawi dalam kitabnya, Fiqh al-Awlawiyyat menjelaskan pembinaan dan pembangunan individu Muslim yang bermutu adalah langkah paling awal yang mesti dilaksanakan dalam usaha melakukan perubahan di tengah umat manusia, sebelum melakukan jihad bersenjata.

Jihad diri sebagai jihad yang paling utama telah dijelaskan Rasulullah saw. Rasulullah saw sebagai contoh manusia yang sempurna jihadnya, bersabda yang bermaksud: "Seorang mujahid sejati ialah mereka yang berjuang melawan hawa nafsu demi untuk berbakti kepada Allah dan orang muhajir (orang yang berhijrah) sejati ialah seorang yang meninggalkan semua perkara yang dilarang Allah." (Hadis riwayat Imam Ahmad Ibn Hambal).

Oleh itu jihad melawan nafsu adalah jihad yang paling diutamakan daripada jihad melawan musuh. Seseorang yang tidak berjaya melawan hawa nafsu tentunya tidak berjaya melawan musuh di medan perang. Mustahil seseorang boleh berjihad melawan musuh jika mereka masih dikongkong hawa nafsu.

Sejauh manakah kita berusaha bagi memastikan kegiatan maksiat dapat ditangani. Seorang bapa patut mempersoalkan dirinya, adakah dia sudah benar-benar melaksanakan jihad itu dalam keluarganya ?

Begitu juga dengan guru dan pensyarah, sudahkan mereka menyempurnakan jihad, iaitu mendidik pelajar dengan baik.

Seorang ahli dalam sebuah masyarakat tidak terkecuali berjihad bagi memastikan ahli masyarakat lain sentiasa mengutamakan luno Islam.

Bagaimanapun, ternyata tanggungjawab itu masih tidak dilaksanakan dengan berkesan.

Hakikatnya, masyarakat kita mudah lupa. Mereka hanya membiarkan sesuatu masalah berlaku tanpa berpakat menyelesaikannya.

Benar seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno ke-55, Jun lalu, bahawa Melayu mudah lupa.

Dr Mahathir berkata, Melayu mudah lupa asal usul dan bagaimana keadaan bangsa Melayu suatu ketika dulu.

Berikutan itu, mereka mudah mengikuti budaya dan amalan yang bertentangan dengan adat serta agama.

Krisis moral yang menular muda mudi Melayu semakin menjadi-jadi apabila kita dikejutkan dengan pembabitn segelintir anak Melayu dalam kegiatan militan seperti keganasan, pengeboman dan huru-hara.

Terbaru, beberapa pelajar dan pensyarah Universiti Utara Malaysia didakwa menyertai beberapa kegiatan yang dijalankan sebuah badan bukan kerajaan kononnya bertujuan meningkatkan ilmu jihad.

Siasatan yang dijalankan Universiti Utara Malaysia (UUM) mendapati semangat jihad yang diterapkan badan NGO menyamai jihad anggota Kumpulan Militan Malaysia.

Kegiatan militan turut menular di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) apabila pihak pengurusan universiti terbabit menemui beberapa risalah dan cakera padat video mengenai militan.

Kita perlu sedar, militan dan jihad adalah dua perkara yang berbeza. Jihad bertujuan meninggikan syiar Islam, tetapi militan lebih kepada kegiatan berunsur keganasan.

Dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, maksud militan merujuk kepada

perjuangan menggunakan kekerasan. Ia sering dikaitkan dengan `bandits', `fundamentalists' dan `extremists'.

Islam melarang umatnya daripada melakukan keganasan sebaliknya menganjurkan keamanan dan kesejahteraan.

Pengertian jihad yang sudah disalahertikan oleh pihak terbabit hendaklah diubah.

Ia bukan saja menghalalkan perkara yang diharamkan, malah menimbulkan kekacauan dan huru-hara dalam masyarakat di negara ini.

Tidak dinafikan, kumpulan militan terbabit berbuat demikian kerana mempunyai motif peribadi.

Lebih malang lagi, ada segelintir anggota kumpulan itu menggunakan topeng agama bagi menghalalkan jihad yang mereka dakwa diredai Allah.

Orang seumpama ini sanggup mengistilahkan kumpulan ganas sebagai kumpulan militan, kumpulan mujahidin dan jihad Islam.

Mereka sebenarnya mengelirukan orang ramai, khususnya umat Islam supaya mengagung-agungkan kumpulan itu atas nama Islam.

Sehubungan itu, tidak wajar kita menghina agama suci Allah dengan memberi gelaran mujahidin kepada orang ganas.

Mereka yang mendakwa berjihad dengan melakukan keganasan dan menghuru-harakan keadaan yang aman dan damai sebenarnya mencari alasan supaya perjuangan mereka itu disokong.

Golongan ini sebenarnya lupa atau tidak tahu erti sebenar jihad. Ada kalangan mereka yang faham erti jihad, tetapi sengaja melakukan tindakan bagi mencapai cita-cita mereka.

(END)